

12 MAY 1997

PERJANJIAN PENSWASTAAN PERWAJA STEEL AKAN DIMETERAI SEGERA

GURUN, 12 Mei (Bernama) -- Perjanjian penswastaan Perwaja Steel Sdn Bhd akan dimeterai tidak lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Ia dijangka akan ditandatangani sebelum perdana menteri bercuti pada 19 Mei ini, kata pengerusi jawatankuasa eksekutif Perwaja Steel Abu Sahid Mohammed.

Bercakap pada sidang berita sempena pelancaran alang Perwaja Steel dan bahagian kilang serta produk di sini, Dr Mahathir berkata Maju Holdings Sdn Bhd, yang terbabit dalam usaha menyelamatkan Perwaja Steel sejak pertengahan tahun lalu, akan memegang 51 peratus pegangan dalam syarikat itu.

Harga Perwaja Steel berikutan penswastaan, akan diumumkan dalam majlis menandatangani perjanjian itu, katanya.

Beliau juga berharap Lion Group akan mengambilalih 30 peratus pegangan dan kerajaan negeri Terengganu memegang lima peratus pegangan, manakala selebihnya oleh kerajaan persekutuan. Kerajaan Terengganu kini memegang 19 peratus pegangan dalam Perwaja Steel.

Dr Mahathir berkata Lion Group masih merundingkan syarat-syarat perjanjian itu dan tidak berganjak daripada cadangan penswastaan.

Menurutnya, persoalan mengenai pembabitan Lion Group dalam pengurusan akan bergantung kepada syarat-syarat dalam perjanjian.

Berikutan perjanjian penswastaan itu, beliau berkata Perwaja Steel akan bermula dengan nafas baru kerana hutangnya akan ditanggung oleh kerajaan.

Perwaja Steel mengumpulkan hutang dan kerugian yang berjumlah kira-kira RM6 bilion.

Dr Mahathir berkata kewajipan kerajaan menanggung hutang itu adalah kurang daripada RM3 bilion, bertentangan dengan kebanyakan laporan lain yang mendakwa ia mungkin meningkat hingga RM10 bilion.

Apabila ditanya mengenai jenis garis panduan terbaru yang akan dilaksanakan ke atas Perwaja bagi menjamin kesalahan ketika di bawah pentadbiran pengarah urusan Tan Sri Eric Chia tidak akan berulang, beliau berkata pengurusan telah diperkukuhkan.

Beliau berkata perbezaannya adalah Eric Chia menguruskan Perwaja bagi pihak kerajaan, manakala Maju akan mengendalikan Perwaja Steel sebagai pemegang saham. "Jika mereka (Maju) mahu kehilangan wang, itu terpulang kepada mereka," katanya.

Apabila ditanya apa lagi yang akan dilakukan oleh Maju selepas mengurangkan kerugian Perwaja Steel kepada RM10 juta sebulan daripada RM40 juta sebulan sebelum ini, Dr Mahathir berkata Maju yakin akan melakukan sesuatu untuk menggerakkan Perwaja Steel dan cuba untuk mengelak daripada mengalami kerugian RM1 juta setiap tiga hari.

Sementara itu Abu Sahid berkata Maju akan membayar bagi pegangan dalam Perwaja Steel untuk mengurangkan bebanan kerajaan.

Bagaimanapun, harga masih belum ditentukan dan sedang dirundingkan walaupun Maju mengetahui secara kasar mengenai perkara itu, katanya.

Mengenai bagaimana Perwaja Steel akan membiayai pegangannya dalam Perwaja, Abu Sahid berkata ia datang daripada sumber pinjaman bank manakala sebahagiannya daripada penyusunan semula kumpulan Maju yang mungkin membabitkan penyenaaraian anak syarikat Maju.

Maju Holdings mungkin juga akan disenaraikan, tambahnya.

Sambil menyatakan bahawa kumpulan itu sedang mengkaji semua kemungkinan, beliau berkata penasihat kewangannya Deutsche Morgan Greenfell

dan Banque Nacional de Paris, telah membentuk konsortium untuk menasihati Maju berkaitan penyusunan semula dan projek penswastaan termasuk Perwaja.

"Banyak bank yang berminat untuk terlibat dengan kumpulan ini kerana ia telah menjadi lebih menarik sekarang," tambahnya.

Terdahulu, pada majlis perasmian bahagian alang dan kilang Perwaja, Abu Sahid berkata terdapat bukti yang jelas tentang potensi pelaburan dalam Perwaja.

Dengan keupayaan mengeluarkan 700,000 tan setahun dan spesifikasi keluaran yang memenuhi piawaian Jepun, Perwaja Steel bukan sahaja boleh memenuhi permintaan dalam negeri tetapi mengeksport keluarannya itu ke negara jiran.

Katanya kompleks Perwaja Steel di Gurun dirancang sebagai pengembangan kepada kompleks Perwaja Steel di Kemaman, Terengganu. -- BERNAMA

MSL SIA